Headline	TH tunggu keputusan tambahan 10,000 kuota haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Mar 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	20	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	173 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,699

TH tunggu keputusan tambahan 10,000 kuota haji

Sepang: Lembaga Tabung Haji (TH) masih menunggu maklum balas daripada kerajaan Arab Saudi berhubung rayuan penambahan 10,000 lagi kuota jemaah haji bagi musim haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, beliau sudah menyampaikan rayuan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berhubung penambahan kuota berkenaan ketika pertemuan dengan Menteri Haji di Jeddah, Arab Saudi, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, keputusan rayuan bergantung kepada pertimbangan akhir daripada kerajaan Arab Saudi.

"Sebelum ini, kerajaan Arab Saudi mengurangkan kuota 20 peratus berikutan proses pembesaran Masjidil Haram menyebabkan hanya 22,320 jemaah haji Malaysia yang dibenarkan menunaikan haji di Tanah Suci tahun lalu.

"Jadi, tahun ini kita buat rayuan untuk menambah kuota, namun kita berpendapat kalau tidak dapat tambahan kuota 10,000 itu, memadai sekiranya kerajaan Arab Saudi membenarkan 27,900 jemaah menunaikan haji pada musim ini," katanya sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Jeddah, Arab Saudi, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Othman Mustapha.

Pada masa sama, Jamil Khir berkata, seramai 21 rakyat Malaysia dikategori sebagai jemaah tidak pulang dalam penyimpanan data milik kerajaan Arab Saudi.

"Kita sudah meminta Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi menyerahkan senarai nama berkenaan untuk siasatan. Perkara ini terjadi berkemungkinan masalah pada sistem mereka.

"Selain itu, kemungkinan lain jemaah Malaysia yang meninggal dunia pada musim haji tahun lalu seramai 24 orang dan data mereka mungkin tidak dikemas kini," katanya.

Katanya, kerajaan Arab Saudi memandang serius mana-mana jemaah tidak pulang ke negara masing-masing selepas musim haji berikutan ada rakyat di negara lain mengambil kesempatan tinggal lebih masa untuk bekerja dan berniaga tanpa mengikuti peraturan.

Sementara itu, Jamil Khir berkata, kerajaan Arab Saudi memperkenalkan e-Haji bagi memudahkan jemaah memohon visa secara atas talian.

Menurutnya, sebelum ini, hanya visa umrah saja boleh memohon di atas talian, tetapi aplikasi itu diperluaskan untuk visa menunaikan haji.

Powered by: iSENTIA